



Submission date: 10/11/2016

Accepted date: 06/03/2017

**PENGAMALAN DEMOKRASI DI DUNIA ISLAM
MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**
Democratic Practice in Islamic World from Islamic Perspective

Mohd Rumaizuddin Ghazali
Universiti Sains Islam Malaysia

rumai@usim.edu.my

Abstrak

Artikel ini membicarakan mengenai demokrasi Islam dari segi takrif, ciri-ciri dan perbezaan dengan demokrasi barat. Demokrasi mutlak seperti yang diamalkan di negara-negara barat adalah sesuatu yang mengancam kestabilan ajaran Islam kerana kebebasan yang dibenarkan Islam mempunyai batasan tertentu. Penulis menghuraikan syarat-syarat penerimaan demokrasi Islam serta konsep majoriti dan minoriti dalam Islam. Gagasan demokrasi Islam merupakan formula dalam merangka sistem politik Islam yang lebih dinamik. Masa depan demokrasi di Malaysia banyak bergantung kepada kekuatan umat Islam dalam mengawal autoritarianisme dan demokrasi yang dijalankan oleh pemerintah agar ia serasi dengan nilai-nilai Islami. Oleh itu, dalam mewujudkan landasan baru politik Muslim dan demokrasi Islam maka timbal balik antara golongan Islamis, parti pembangkang, NGO dan pemerintah sangat diperlukan dan kerjasama itu akan menguntungkan rakyat.

Kata kunci: demokrasi, demokrasi Islam, majoriti dan minoriti, negara Islam.

Abstract

This article elucidates on the Islamic Democracy in terms of its definition, its nature as well as its differences vis-a-vis a Western Democracy. An Absolute Democracy, as practised by nations of the West has been threatening the stability of tenets of Islam, simply because the freedom, as sanctioned by Islam, has its limits. The author espouses the conditions for accepting the concept of a Democracy and the concept of majority-minority in Islam. The idea of an Islamic Democracy is a formula to develop a more dynamic political system in Islam. The future of democracy in Malaysia is largely dependent upon the strength of the Muslims in mitigating the rise of authoritarianism to ensure that the democracy practised by the ruling elites is consistent with the Islamic norms. Hence, to create a new platform of a Muslim politics and an Islamic Democracy, an active interaction between the Islamic groups, opposition parties, NGOs and ruling elites is instrumental. Surely such an interaction would benefit the whole nation.

Keywords: democracy, Islamic democracy, majority and minority, Islamic state

PENGENALAN

Dalam topik ini, penulis akan memberi definisi demokrasi, ciri-ciri dan sikap golongan Islamis terhadap demokrasi. Fokus juga akan diberikan kepada pengamalan demokrasi di Malaysia dan penilaian tentang sejauhmanakah ia selari atau bertentangan dengan prinsip negara Islam. Penulis juga membincangkan demokrasi Islam dengan membawa pandangan-pandangan pro dan kontra dalam hal tersebut dan pelaksanaannya dalam konteks semasa. Maksud golongan Islamis ialah golongan yang terlibat dengan gerakan Islam atau pertubuhan Islam sama ada yang berteraskan kemasyakatan atau politik. Di Malaysia, golongan Islamis ini terdiri daripada golongan yang aktif dalam ABIM, IKRAM, YADIM, PAS serta pertubuhan Islam yang lain.

KONSEP DAN PENGERTIAN DEMOKRASI

Para ilmuwan Muslim telah membahaskan masalah ini dengan panjang lebar. Di satu pihak ada golongan yang berpendapat bahawa demokrasi selari dengan ajaran Islam dan disatu pihak lain ada golongan yang menentang pendapat ini dengan mengatakan bahawa demokrasi tidak selari dan bercanggah dengan ajaran Islam dan disatu pihak lain pula ada golongan yang berpendapat bahawa ada beberapa persamaan dan juga perbezaan antara demokrasi dan ajaran Islam. Islam hanya meletakkan asas-asas umum untuk pemerintahan dan ia tidak menentukan bentuk tertentu tetapi memberi kebebasan kepada umat Islam untuk memilih jenis pemerintahan sama ada berbentuk demokrasi atau beraja asalkan ia memberi kemaslahatan untuk Islam dan umatnya. Namun harus difahami bahawa agama Islam adalah agama manakala demokrasi adalah salah satu cabang dari agama. Demokrasi adalah salah satu sistem pemerintahan dan pemerintahan hanyalah salah satu cabang dari agama.

Fahmi Huwaidi menjelaskan bahawa dua kesalahan besar telah berlaku iaitu ketika seseorang menyatakan bahawa Islam sama dengan demokrasi dan ketika ia menyatakan Islam menentang demokrasi. Golongan yang menyatakan Islam tidak selari dengan demokrasi kerana ia adalah dua perkara yang berbeza. Islam adalah agama, sementara demokrasi adalah alih satu sistem pemerintahan, dan pemerintahan hanyalah salah satu cabang dalam agama. Golongan yang menerima menyatakan nilai-nilai yang diperjuangkan demokrasi itu juga diperjuangkan dalam ajaran Islam. Sesungguhnya perkara ini memerlukan kepada kebebasan dan penjelasan yang mendalam (Fahmi Huwaidi, 1992: 98). Dhia' al-Din al-Ris menyebut:

- i. Kalimat "bangsa" atau "rakyat" dalam sistem demokrasi hanya terhad dalam rakyat negara tersebut atau dikenali sebagai "Nasionalisme". Bangsa tersebut dibatasi oleh sempadan geografi, yang hidup dalam satu iklim di mana individu-individu di dalamnya terikat oleh ikatan darah, jenis, bahasa dan kebudayaan. Menurut ajaran Islam, "umat" tidak harus terikat oleh sesuatu tempat, darah atau bahasa tetapi terikat dalam bentuk akidah.
- ii. Matlamat demokrasi adalah untuk material semata-mata manakala Islam meliputi kerohanian dan kebendaan dengan memberi semua keperluan tersebut secara seimbang (al-Ris, t.t.: 3).

Menurut demokrasi Barat, kekuasaan rakyat adalah secara mutlak. Rakyat adalah pemegang kekuasaan tertinggi. Rakyat boleh membuat dan membatalkan undang-undang dan segala keputusan meskipun keputusan itu bertentangan dengan norma-norma susila atau bertentangan dengan kepentingan manusia secara keseluruhan. Perkara ini berbeza dengan Islam yang mana kekuasaan itu tertakluk kepada undang-undang Islam. Rakyat tidak boleh bertindak melebihi batas-batas yang ditetapkan dalam ajaran Islam. Dhia' al-Din al-Ris juga menjelaskan bahawa Islam tidak dapat disamakan dengan sistem-sistem yang lain sama ada sistem autokrasi, teokrasi dan demokrasi dengan pengertian yang sempit. Ini disebabkan kekuasaan tertinggi dalam Islam sangat utuh dan mantap yang berpadu kepada umat dan syariat Islam. Oleh itu, umat dan syariat merupakan pemegang kekuasaan penuh dalam negara Islam (al-Ris, t.t.: 3).

Meskipun demokrasi Barat memiliki kelebihan-kelebihan tertentu, tetapi ia tidak memiliki sebarang prinsip yang membatasinya atau nilai-nilai yang menjadi landasan kehidupannya. Sebagai contoh, kebebasan mutlak telah digunakan untuk membela kepentingan sesetengah kelompok yang kuat dan ia telah meruntuhkan nilai-nilai murni termasuklah nilai-nilai murni demokrasi itu sendiri. Apabila perkara ini terjadi, maka sistem demokrasi yang digambarkan sebagai terbaik menjadi lebih kejam daripada kediktatoran.

Sebaliknya Abdul Hamid al-Ansari melihat demokrasi telah memberi sumbangan yang besar dalam kemajuan tamadun manusia dari segi keilmuan, pemikiran, akhlak, ketenteraan dan pemerintahan. Hal disebabkan sistem ini telah memberi hak kebebasan memilih pemimpin, hak bersuara dan hak mengundi kepada rakyat berbanding dengan sistem yang lain (al-Ansari, 1980: 18).

Demokrasi ialah kesepakatan rakyat untuk memilih sebahagian orang yang akan memerintah dan mengatur urusan mereka. Dengan cara itu rakyat terhindar daripada memilih seorang pemimpin yang tidak mereka kehendaki dan sistem yang menindas mereka. Demokrasi boleh difahami sebagai satu sistem yang mempunyai undang-undang berprosedur yang mengkhususkan siapa yang berwibawa untuk membuat sesuatu keputusan secara kolektif dan apakah prosedur yang harus digunakan untuk membuat keputusan (Azzam Tamimi, 2001: 10). Demokrasi mengandungi prosedur-prosedur demi untuk mencapai keputusan secara kolektif dalam suasana menjamin penyertaan secara maksima yang boleh tercapai bagi mereka yang berkepentingan, seperti:

- i. Kepentingan hak untuk samarata.
- ii. Kepentingan golongan majoriti yang memerintah dan jaminan kepada hak minoriti. Ini adalah untuk memastikan keputusan kolektif dipersetujui oleh sebilangan suara yang secukupnya untuk membuat keputusan tersebut.
- iii. Prinsip Undang-Undang.
- iv. Jaminan berperlembagaan untuk kebebasan berkumpul dan luahan pendapat dan hak-hak kebebasan lain-lain yang akan membantu menjamin siapa yang akan membuat keputusan atau dipilih untuk membuat keputusan

supaya boleh memilih dari pilihan-pilihan yang terbaik (Azzam Tamimi, 2001: 10).

Demokrasi juga merupakan cara atau kaedah bagi menghalang sokongan yang memerintah untuk terus-menerus menyesuaikan kuasa yang ada padanya untuk kepentingan matlamatnya sahaja. Atau dengan kata yang berbeza sedikit, politik demokrasi moden ialah pemerintah, di mana pemerintah dipertanggungjawabkan dalam tindakan mereka di hadapan orang awam dari rakyat jelata yang bertindak secara tidak langsung melalui wakil-wakil rakyat yang dipilih dalam satu suasana persaingan dan permuafakatan (Azzam Tamimi, 2001: 10).

Bagi pemikir-pemikir politik Islam yang utama seperti al-Ghanoushi, Hasan al-Turabi dan al-Qaradawi, definisi sedemikian yang difahami dari demokrasi adalah amat sesuai dengan nilai-nilai syura yang diamalkan dalam ajaran Islam. Walaupun demikian ada di kalangan pemikir Islam yang meyakini bahawa demokrasi adalah tidak sesuai dengan Islam.

Selain itu, demokrasi juga bermaksud kuasa politik dan segala hak politik diserahkan kepada rakyat. Dalam konteks ini demokrasi bukan sahaja merupakan satu bentuk kerajaan tetapi juga satu bentuk masyarakat. Namun sebahagian pemikir Islam mendesak supaya umat Islam tidak berfikir secara dikotomi demokrasi mahupun diktator sahaja tanpa melihat elemen-elemen Islam seperti syura, keadilan, persamaan yang lebih lengkap dan mantap sifatnya dalam ajaran Islam.

Inilah elemen perkembangan demokrasi dalam konteks sekarang yang berbeza dengan kefahaman demokrasi pada kurun 18M. Jean Francois Revel menyatakan bahawa elemen demokrasi sekarang ialah:

- i. Pemerintahan mithali.
- ii. Persamaan di hadapan hakim dan mahkamah.
- iii. Kebebasan pendapat dan maklumat (Muhamad 'Abd al-Jabbar dan 'Abd al-Razzaq 'Id, 1999: 145).

Antara elemen demokrasi yang terpenting ialah:

- i. Kebebasan penubuhan parti, organisasi dan pertubuhan politik.
- ii. Penukaran pemerintahan dicapai melalui pilihanraya yang bebas.
- iii. Menghormati hak-hak manusia dan kebebasan. Antaranya hak persamaan di depan hakim, hak persamaan dalam pekerjaan, hak untuk hidup dan menikmati keamanan, hak untuk menyertai aktiviti politik, kebebasan akidah, kebebasan berpendapat dan kebebasan untuk tempat tinggal.
- iv. Menolak teori pemerintahan satu parti atau seorang individu sahaja.
- v. Menegah penggunaan kekerasan ketenteraan dalam politik seperti rampasan kuasa dengan menggunakan kekuatan ketenteraan dan senjata (Muhamad 'Abd al-Jabbar dan 'Abd al-Razzaq 'Id, 1999: 142).

Oleh itu, dalam sistem demokrasi elemen utama ialah penubuhan parti dan persatuan, pilihanraya yang bebas, persamaan di hadapan hakim tanpa mengira

kedudukan dan kebebasan pendapat dan bersuara. Nilai-nilai ini juga diperjuangkan dalam ajaran Islam. Demokrasi adalah satu kaedah dan metodologi dan ia bukan satu akidah yang bertentangan dengan ajaran Islam. Ia merupakan satu bentuk dalam proses mempratikkan perlembagaan dan kaedah untuk membuat keputusan. Satu manhaj yang diperlukan oleh setiap individu dan masyarakat untuk membolehkan setiap individu dan parti politik menyertai dan berbeza pendapat untuk kemaslahatan bangsa dan negara dalam bentuk perdamaian dan aman. Ia mengelakkan masyarakat tersebut terjebak dalam bentuk keganasan, fitnah dan perkelahian etnik dan perkauman. Oleh itu, apabila prinsip dan kaedah demokrasi ini dipraktikkan secara secara baik, malah ia adalah selari dengan nilai-nilai ajaran Islam seperti hak penubuhan persatuan, hak berhimpun, hak bersuara dan hak syura dalam melantik ketua. Demokrasi menghendaki rakyat memilih seorang yang akan memerintah serta mengatur urusan mereka dan rakyat tidak dipaksa untuk menerima seorang pemerintah yang tidak mereka sukai atau sistem yang mereka benci. Rakyat juga mempunyai hak untuk menyingkirkan pemerintah yang menyeleweng, hak minoriti untuk membangkang, kebebasan media, kemerdekaan kehakiman dan sebagainya.

ALIRAN YANG MENERIMA DAN MENOLAK DEMOKRASI

Terdapat pelbagai aliran yang mempunyai pegangan tersendiri dalam menerima dan menolak demokrasi. Golongan yang menolak menganggap demokrasi sebagai satu sistem yang bertentangan dengan sistem Islam, sementara golongan yang menerimanya melihat demokrasi sebagai satu alat untuk melaksanakan perintah Allah dengan lebih sempurna. Dalam hal tersebut, terdapat tiga aliran pendapat mengenai demokrasi iaitu:

1. Golongan yang menolak demokrasi secara mutlak: Golongan ini menganggap demokrasi sebagai satu peraturan yang bertentangan dengan ajaran Islam. Antara pendukung pendapat ini ialah Taqiyuddin al-Nabhani, pengasas *Hizbul Tahrir al-Islami* yang mana dalam bukunya *Nizam al-Hukm fi al-Islam* terbitan tahun 1989 beliau menyebutkan bahawa demokrasi adalah bertentangan dengan akidah Islamiah. Al-Nabhani dan Sayyid Kazim al-Ha'iri mendakwa bahawa tidak ada apa-apa dalam tradisi Islam yang serasi dengan kerajaan berperlembagaan dan perwakilan. Demokrasi juga dianggap sebagai legasi imperialis Barat (Muhamad 'Abd al-Jabbar dan 'Abd al-Razzaq 'Id, 1999: 154; Fahmi Huwaidi, 1992: 134). Seorang lagi yang menolak demokrasi ialah Dr. Adnan Ali Rida al-Nahwi yang mana dalam bukunya *al-Shura la Dimoqratiyyah dan Shura wa mumarasatuha al-Imaniyyah* beliau memberikan perbandingan antara syura dan demokrasi. Menurutnya syura merupakan persoalan iman dan rabbaniyah serta wahyu dari Ilahi, sementara demokrasi pula adalah hasil pemikiran manusia. Syura adalah sistem kepercayaan yang membawa risalah langit kepada manusia untuk sepanjang zaman, sementara demokrasi pula hanyalah untuk masa tertentu sahaja. Syura adalah sistem yang berkembang dalam lingkungan iman dan bersih serta bercirikan kebaikan, sementara demokrasi berkembang bersama keburukan dan bercirikan perpecahan. Menurut beliau, demokrasi membawa kepincangan kepada dunia dengan matlamat menghalalkan cara, menghalalkan perhubungan jenis, zina, liwat dan arak. Beliau menolak pandangan bahawa satu-satunya jalan untuk

kemajuan bagi dunia Islam adalah melalui sistem demokrasi (Adnan Ali Rida al-Nahwi, 1992: 43). Bagi mereka yang menolak demokrasi, sistem politik ciptaan Barat itu tidak dapat diterima kerana ianya dianggap mengutamakan kehendak majoriti sekaligus mengangkat suara manusia sebagai sumber perundangan teratas. Berbeza dengan konsep politik Islam, yang mana sumber perundangan dan kedaulatan adalah milik mutlak Allah.

2. Golongan yang bersetuju dengan demokrasi secara mutlak: Golongan ini adalah sedikit sahaja. Antara golongan ini ialah Syeikh Muhammad Husein (1856-1936M) yang mana dalam artikelnya *Tanbih al-Ummah wa Tanzih al-Millah* (1909M) beliau menyeru umat Islam supaya berpegang kepada demokrasi sebagai satu wasilah untuk menumbangkan diktator. Menurutnya, diktator terbahagi kepada dua iaitu diktator politik dan diktator agama yang mana diktator agama adalah yang paling sukar dihapuskan. Pada masa ini, terdapat seorang pemimpin agama di Iran, Sayyid Ayatullah Bujanridi turut mengatakan bahawa Islam tidak bertentangan dengan demokrasi (Muhammad Abd al-Jabbar dan Abd al-Razzaq 'Id, 1999: 155).

3. Golongan yang tidak menerima atau menolak secara mutlak: Golongan ini membezakan antara demokrasi sebagai alat dengan demokrasi sebagai satu bentuk pegangan. Golongan ini semakin mendapat tempat di kalangan umat Islam sekarang ini. Termasuk dalam golongan ini ialah Muhammad Khatami yang merupakan bekas Presiden Iran, Muhammad Mahdi Syamsuddin yang merupakan seorang ulama Syiah, Yusuf al-Qaradawi, Rashid al-Ghannoushi, Taufiq al-Shawi dan Hassan al-Turabi. Pendokong demokrasi Islamik menekankan konsep-konsep syura, bai'ah, permuafakatan, ijтиhad dan *maslahah* untuk menunjukkan bahawa Islam tidak berkurangan dalam landasan-landasan asas yang sesuai dengan tatacara dan matlamat demokrasi (Muhammad Abd al-Jabbar dan Abd al-Razzaq 'Id, 1999:155; Syed Ahmad Hussein, 2002: 5-8).

Menurut Rashid al-Ghannoushi, demokrasi adalah hasil evolusi sejarah yang meluas dan bukan sekadar buatan para *theorist* mahupun *jurist* atau pemikir-pemikir politik. Kebanyakan prinsipnya diambil dari suasana zaman pertengahan Eropah yang melalui perkembangan sehingga terbentuk satu sistem bersama-sama sejarah yang panjang ini. Orang-orang Eropah banyak mengambil pengajaran dari tamadun Islam untuk membantu mencipta satu masyarakat yang disinari dengan konsep-konsep nilai sosial di mana dengan itu lahirnya demokrasi liberal. Perhubungan Eropah dengan Islam telah membuka mata Eropah ketika itu dari kehinaan feudalisme dan dari kongkongan agama serta dari kediktatoran kepada elitis pihak pemerintah (Azzam Tamimi, 2001:10). Rashid al-Ghannoushi percaya bahawa demokrasi mempunyai satu aset mekanisme untuk menjamin kedaulatan orang ramai dan ia (demokrasi) boleh memberi kawalan supaya tidak berlakunya korupsi dan penindasan daripada mereka yang mempunyai kekuasaan. Namun begitu, oleh kerana asas-asas sekular dan bentuk-bentuk demokrasi liberal semasa, demokrasi dilihat tidak sesuai dengan Islam. Oleh itu, masyarakat dan gerakan Islam perlu memainkan peranan untuk menyesuaikan keserasian demokrasi dengan Islam (*compatibility of democracy with Islam*). Robin Wright menperakui hubungan Islam dengan demokrasi kerana sistem politik Islam

amat menitik beratkan persamaan, keadilan dan kehormatan darjah manusia. Malahan idea-idea ini juga turut memainkan peranannya dalam pemikiran politik dan sosial Barat (Uthman El-Muhamady, 2007: 7).

Tawfiq al-Shawi berpendapat bahawa demokrasi sebenarnya adalah versi syura menurut Islam. Menurutnya, terdapat ramai pemimpin Islam yang berkuasa selepas Khulafa' al-Rasyidin telah membela kangkan syura sehingga ke zaman kita ini. Pada zaman sekarang Barat pula telah mendahului orang Islam dalam mengamalkan nilai-nilai syura seperti kebebasan bersuara dan menjernihkan kebebasan berpolitik. Eropah telah berjaya mengasaskan sistem secara syura ini dalam kerajaan mereka yang mereka namakan demokrasi. Dengan lain perkataan, syura yang datang dari bumi Islam yang telah layu kerana tidak dipelihara dengan rapi rupa-rupanya berkembang subur di bumi bukan Islam (al-Shawi, 1992: 20).

Sementara itu, Muhamad Khatami, mantan Presiden Iran, melihat demokrasi seperti berikut:

- i. Demokrasi telah mengalami banyak perubahan sepanjang sejarah dan kini ia merupakan satu jalan untuk mencapai pemerintahan. Ia merupakan pemerintahan rakyat yang berkhidmat dan bertanggungjawab kepadanya. Ia beriltizam dengan kebebasan berfikir dan iktikad, kebebasan bersuara dan berhimpun dan lain-lain dari aspek kebebasan.
- ii. Demokrasi digunakan sebagai alat dan medium dalam proses pembentukan pemerintahan dan ia bukanlah satu bentuk akidah, malah menurutnya ia bukan satu bentuk sistem politik. Oleh itu, rakyatlah yang menentukan bentuk pemerintahan seperti di Barat yang membentuk pemerintahan demokrasi kepada sekular dan liberal (demokrasi-sekular/demokrasi-liberal). Menurutnya, umat Islam berkewajipan menyelaraskan demokrasi dalam bentuk dan acuan yang sesuai dengan nilai-nilai Islam.
- iii. Demokrasi tidak mempunyai hubungan dengan sekularisme atau kapitalisme dari segi keanggotaan mahupun politik dan demokrasi tidak disyaratkan mesti menjadi sekular atau kapitalis. Oleh itu, Khatami menegaskan bahawa demokrasi tidak bertentangan dengan Islam. Perkara ini dikuatkan dengan pandangan dari Syeikh Muhamad Mahdi Syamsuddin yang menyebutkan bahawa tidak didapati dalam syarak atau nas secara mutlak sama ada dalam al-Quran atau al-Sunnah atau dalam feqah yang menegah dari mengambil demokrasi, cara-cara dan institusinya (Muhamad Abd al-Jabbar dan Abd al-Razzaq 'Id, 1999: 160).

Oleh demikian, demokrasi boleh dibentuk dalam acuan yang selari dengan nilai-nilai Islami kerana ia bukanlah sesuatu yang statik dan tetap. Umat Islam dibenarkan mengikuti sistem demokrasi dari segi mekanisma dan bukannya mengambil falsafah daripada demokrasi yang bertentangan dengan Islam.

Hassan al-Turabi pula menjelaki titik tolak penukaran demokrasi moden bermula dari amalan kontrak yang dikenali sebagai peristiwa *bai'ah*.

Menurutnya, beberapa amalan demokrasi diambil dan dipelajari dari fiqh siasah hasil perhubungan mereka dengan Islam (Azam Tamimi, 2001: 10). Pernyataan yang sama juga dinyatakan oleh Abdul Hamid al-Ansari dalam bukunya *al-Shura wa 'Atharuha fi Dimoqratiyyah* (Syura dan Kesannya kepada Demokrasi) yang mana beliau melihat wujudnya unsur-unsur syura dan nilai-nilai Islam dalam pertumbuhan sistem demokrasi.

Menurut 'Abdullah Ahmad Qadiri, jika dibandingkan sistem demokrasi dengan sistem diktator, maka sistem demokrasi lebih baik kerana ia memberi kebebasan bersuara. Apabila pemerintahan Islam hilang, maka di hadapannya ada dua sistem, umat Islam perlulah memilih sistem yang dapat memberi kebebasan dakwah, kebebasan memilih pemimpin yang soleh yang kemungkinan dapat menjalankan hukum-hukum Allah. Ini berlainan dengan sistem diktator yang menjurus manusia ke arah hawa nafsu dan tidak memberi berpeluang untuk memilih pemimpin. Walaubagaimanapun, ini tidak bermakna orang mukmin harus mengambil demokrasi apabila hilangnya pemerintahan Islam (al-Qadiri, 1986: 63).

Sementara itu, Muhammad al-Ghazali mengatakan bahawa demokrasi bukanlah agama yang diletakkan dalam barisan Islam melainkan hanyalah sebuah sistem interaksi antara pemerintah dengan rakyatnya. Beliau berpendapat bahawa kita perlu melihatnya kembali untuk memahami bagaimana demokrasi memberikan penghormatan individu bagi pendukung dan pembangkang dengan kedudukan yang sama dan bagaimana ia memberi dorongan kepada orang-orang yang tidak sejalan dan sepandapat untuk mengatakan "tidak", tanpa rasa takut dipenjara atau ditangkap. Sebaliknya, sikap dan tindakan yang keterlaluan serta pemerintahan diktator merupakan bencana yang memakan agama dan dunia kita (Muhammad al-Ghazali, 1988: 211).

Ahmad Shawqi al-Fanjari mengatakan setiap zaman mempunyai terminologi sendiri untuk merumuskan konsep demokrasi dan kebebasan. Elemen yang dibawa oleh demokrasi adalah selari dengan apa yang digariskan dalam ajaran Islam tentang keadilan ('adl), hak (*haqq*), perundingan (*syura*) dan persamaan (*musawat*). Ini kerana pemerintahan demokrasi memberi perhatian kepada elemen-elemen keadilan dan hak bersuara kepada rakyat dan rakyat berpartisipasi dalam menentukan perkara tersebut. Sebagai contoh ialah konsep *bai'ah* adalah sama dengan hak memilih dan konsep *ijma'* pula adalah satu kehendak majoriti. Kalimah '*hurriyat al-siyasah*' (kebebasan berpolitik) sememangnya tidak disebut dalam al-Qur'an tetapi sebahagian besar elemen-elemennya terdapat dalam al-Qur'an. Ia hanya berbeza dari segi terminologi tetapi mempunyai matlamat yang sama. Apa yang disebut sebagai '*hurriyat al-siyasah*' adalah sama dengan apa yang dilaungkan oleh Islam sejak 14 kurun yang lalu tentang *al-shura*. Malah Islam memberi penekanan terhadap *suhulah al-hijab* (tiada pemisahan) antara pemimpin dan rakyat dan adanya sifat *rahmah* dan *tarahum* (rahmat dan kasih mengasihani) antara kedua-dua pihak (Ahmad al-Fanjari, 1999: 104).

Rashid al-Ghannoushi menegaskan bahawa Islam tidak bertentangan dengan demokrasi bahkan berkongsi beberapa ciri yang sama di mana kepentingan

bersama dapat bertukar antara satu sama lain. Beliau menyeru kepada umat Islam supaya menerima demokrasi sebagai satu langkah untuk membebaskan negara dari pemerintahan diktator yang menghalang kebebasan bersuara dan pilihanraya umum. Beliau berkeyakinan bahawa demokrasi yang bercirikan Islam merupakan jalan untuk menobatkan Islam sebagai syariat tertinggi. Hujah al-Ghannoushi bahawa Islam tidak bertentangan dengan demokrasi ialah kerana sistem autoriti sivil diwujudkan di mana perlakuan politiknya diserahkan kepada rakyat. Dalam sistem demokrasi, beberapa mekanisme demokrasi seperti kebebasan bersuara, sistem berparlimen, dan pilihanraya boleh diwujudkan dan diinstitusikan dengan melaksanakan syura. Oleh itu, beliau menegaskan bahawa demokrasi diperlukan kerana kebaikannya. Ia merupakan mekanisme bagi warga muslim memanfaatkan sebaik mungkin darinya bagi mewujudkan semula pemerintahan moden berdasarkan syura dan demokrasi Islami. Dalam pertemuan penulis dengan al-Ghannoushi, beliau menekankan kepentingan demokrasi dalam dunia Arab yang mana sehingga kini kebanyakan sistem pemerintahan negara dunia Arab seperti di Tunisia, Algeria dan Syria adalah berdasarkan pemerintahan yang bersifat diktator. Oleh itu, sistem demokrasi diperlukan bagi mengembalikan hak kebebasan bersuara dan pemilihan kerajaan yang bersifat bebas. ini kerana beliau yakin bahawa kebangkitan rakyat dengan semangat Islam akan membawa kepada pemilihan pemimpin yang berwibawa dan berjiwa Islam. Dalam dunia Arab, perjuangan mereka adalah menukar sistem diktator kepada demokrasi sementara di Malaysia perkara tersebut telah selesai. Namun perkara yang perlu dilakukan adalah mengukuhkan sistem demokrasi tersebut dengan nilai-nilai integriti dan Islami (Rashid al-Ghannoushi: 2002).

Di sini ada baiknya diperhatikan pandangan Yusuf al-Qaradawi mengenai Islam dan demokrasi. Beliau menegaskan bahawa negara Islam menjalankan sistem-sistem terbaik yang terdapat pada sistem demokrasi, tetapi itu tidak bererti bahawa negara Islam merupakan salinan (*carbon copy*) daripada sistem demokrasi Barat. Ia serupa dengan demokrasi Barat dari segi memberi kebebasan, tanggungjawab pemimpin dan majlis perundingan. Namun begitu demokrasi Barat tidak memiliki prinsip untuk membatasinya atau nilai-nilai yang menjadi landasan kehidupannya. Hal ini membolehkan mereka melakukan apa sahaja untuk menghapuskan nilai-nilai murni dan mengantikannya dengan kemungkaran. Di samping itu, demokrasi juga sering disalahgunakan untuk membela kepentingan sesetengah kelompok yang kuat dan tidak digunakan untuk memperjuangkan kesejahteraan rakyat. Perkara ini disebabkan demokrasi tidak pernah menjadikan kriteria moral dan akhlak sebagai persyaratan utama bagi orang-orang yang terpilih ataupun orang-orang yang memilih (al-Qaradawi, 1997: 130). Di sini terletaknya keistimewaan sistem syura yang diperjuangkan oleh negara Islam. Syura memiliki had-had dan batasan yang tidak boleh dilanggar. Di samping itu, ketetapan-ketetapan Islam dalam perkara syura telah sampai kepada peringkat kesempurnaan yang tidak pernah dicapai oleh sebarang sistem demokrasi moden bahkan dijangkakan sistem ciptaan manusia itu tidak akan pernah mampu menyainginya di masa hadapan. Perkara yang penting ialah mengambil manfaat yang baik daripada sistem demokrasi (al-Qaradawi, 1997: 130).

Taufik al-Shawi menjelaskan bahawa demokrasi ialah sistem politik dan kenegaraan tetapi konsep syura dalam Islam lebih meluas dari itu kerana ia merupakan satu bentuk proses pendidikan akhlak bagi individu dan masyarakat untuk beriltizam dengan perbincangan dalam segala aspek. Syura merupakan pembinaan akhlak, perangai dan nilai-nilai kemasyarakatan. Ia tidak terhad dalam sistem kenegaraan. Syariat Islam telah mendahului sistem demokrasi dalam membuat dasar-dasar pemerintahan kerana ia menjadikan *ahl al-hall wa al-'aqd* (golongan pembuat dasar) sebagai wakil umat dalam memilih pemimpin dan mengawasinya. Selain itu, prinsip pemisahan antara perundangan dan pemerintahan adalah perbezaan yang substansial bagi sistem Islam, kerana ia berkaitan dengan kedaulatan syariat atas pemerintah dan kemandiriannya dari para penguasa. Ini merupakan ciri-ciri khas yang membezakan Syura Islamiah dan menjadikannya lebih progresif daripada sistem demokrasi sekarang (al-Shawi, 1992: 300).

Bagi golongan yang menolak demokrasi dan menganggapnya sebagai satu kemungkaran kerana mengamalkan konsep ‘hukum rakyat untuk rakyat’ yang bercanggah dengan konsep ‘hukum hanya milik Allah’ adalah satu anggapan yang tidak boleh diterima menurut al-Qaradawi. Menurutnya, prinsip ‘hukum untuk rakyat’ dalam demokrasi sama sekali tidak bercanggah dengan prinsip perundangan Islam. Malah prinsip demokrasi itu bercanggah dengan ‘hukum individualisme’ yang menjadi asas kepada timbulnya kediktatoran. Menurutnya, sistem demokrasi adalah menentang kuasa kediktatoran yang menindas rakyat. Perkara terpenting bagi mereka yang memperjuangkan demokrasi ialah mengusahakan agar rakyat memiliki kebebasan penuh untuk memilih para pemimpin yang sesuai dengan kehendak mereka dan agar mereka memperhitungkan tindak-tanduk orang yang memimpinnya, menolak perintahnya jika bercanggah dengan falsafah bangsa atau menurunkannya jika terbukti menyeleweng serta enggan menerima nasihat dan teguran rakyat (al-Qaradawi, 1997: 62).

Rashid al-Ghannoushi berpendapat bahawa sikap bermusuhan dengan doktrin demokrasi adalah berpunca dari tafsiran terhadap konsep *hakimiyyah*. Seandainya konsep *hakimiyyah* itu difahami dengan baik ia adalah satu idea yang indah. Menurut al-Ghannoushi, menerima idea *hakimiyyah* adalah melaksanakan satu hak bagi merealisasikan kebebasan memilih. Justeru itu *hakimiyyah* tidak bermakna Tuhan secara berterusan campur tangan dalam semua urusan kehidupan manusia di atas muka bumi. *Hakimiyyah* hanya mengemukakan prinsip-prinsip umum untuk umat Islam membuat satu keputusan dengan tepat (Manuty, t.t.: 17).

Bagi Fahmi Huwaidi, sejarah hitam yang dilalui oleh umat Islam merupakan faktor utama timbulnya keraguan, kebimbangan tuduhan dan penolakan mereka terhadap demokrasi. Demokrasi tidak dilihat sebagai sistem pemerintahan yang berlandaskan kepada kebebasan tetapi dilihat sebagai rumusan konsep Barat yang ingin menghancurkan umat Islam. Demokrasi dilihat sebagai konsep Barat yang lahir daripada kehinaan sistem penjajahan Barat. Di samping itu, terdapat fatwa-fatwa ulama yang mengharamkan mengambil sistem demokrasi seperti fatwa Mufti kerajaan Uthmaniah ‘Ata’allah Afandi yang menetapkan bahawa setiap penguasa yang

memasukkan sistem-sistem kafir, maka dia tidak boleh menjadi seorang raja. Akibatnya Sultan Salim III dijatuhkan pada tahun 1807 kerana dituduh menerapkan sistem-sistem kafir (Fahmi Huwaidi, 1992: 99).

Umat Islam secara umumnya telah menerima demokrasi sebagai mekanisme yang terbaik untuk membangunkan negara. Fathi Osman menyatakan meskipun masih banyak kekurangannya namun demokrasi merupakan warisan kemanusiaan yang tidak ternilai harganya yang sampai sekarang belum diketemukan alternatif yang lebih unggul untuknya. Al-Qaradawi menyebutkan bahawa beliau termasuk salah seorang yang mendambakan demokrasi dalam sifatnya sebagai sarana yang mudah dan mampan untuk merealisasikan matlamat kita dalam kehidupan yang mulia dan membolehkan kita untuk menyeru manusia kepada Islam. Sistem itulah yang membolehkan rakyat melakukan semua itu tanpa perlu mengadakan sebarang revolusi berdarah (Ahmad Azam, 2001: 5).

Menurut al-Qaradawi lagi, tidak ada sebarang dalil syara' yang mencegah umat Islam daripada mengambil pemikiran, teori ataupun penyelesaian praktikal yang berasal dari luar Islam. Umat Islam berhak untuk mengambil pemikiran, kaedah serta sistem-sistem luar yang bermanfaat kepada umat Islam selagi ia tidak bercanggah dengan nas yang jelas serta kaedah-kaedah syariat yang telah disepakati. Pemikiran atau sistem yang diambil itu tentunya harus ditambahkan dengan nilai-nilai kerohanian daripada Islam sehingga ia muncul dalam bentuk yang lebih Islamik. Begitulah caranya umat Islam memanfaatkan sistem demokrasi. Kaedah-kaedah dan sarana-sarananya perlu diubah dan diluruskan sehingga sesuai dengan ajaran agama, manakala sebahagian falsafahnya yang mungkin boleh menghalalkan perkara haram atau mengharamkan perkara halal wajib ditinggalkan (al-Qaradawi, 1997: 36&132).

TEORI MAJORITI DAN MINORITI DALAM SISTEM DEMOKRASI.

Adnan Ali al-Nahwi (1992: 90-94) menegaskan bahawa prinsip majoriti dan minoriti dalam pembuatan hukum dan keputusan dalam sistem demokrasi bukanlah sesuatu yang mutlak dan tiada nas qat'i dari perundangan Islam. Menurutnya lagi, ia bukan satu pengamalan yang tetap pada zaman Rasulullah dan khulafa' al-Rasyidin seperti dakwaan sesetengah pihak. Oleh itu, ia bukanlah satu kebenaran yang hakiki dan kebenaran yang sebenarnya adalah dari manhaj Ilahi. Ia merupakan kaedah yang dibina oleh manusia yang menyebutkan majoriti sebagai asas kebenaran. Menurutnya, al-Quran dan al-Sunnah tidak pernah menyebutkan bahawa majoriti sebagai satu yang wajib diikuti dan asas kebenaran. Banyak ayat al-Quran yang menyebutkan "kebanyakan manusia atau banyaknya manusia dalam kesesatan, tidak mengetahui atau jahil." Antaranya:

- i. "dan sesungguhnya kebanyakan dari umat manusia itu adalah orang-orang yang fasik." (al-Ma'idah : 49).
- ii. "akan tetapi kebanyakan dari mereka adalah orang-orang fasik." (al-Ma'idah : 81).

iii. “*Sesungguhnya Allah sentiasa melimpah-limpah kurniaNya kepada manusia (seluruhnya), tetapi kebanyakan manusia tidak bersyukur.*” (al-Baqarah: 243).

iv. “*Sesungguhnya Al-Quran itu adalah perkara yang benar dari Tuhanmu, tetapi kebanyakan manusia tidak percaya kepadaNya.*” (Huud: 17).

Oleh itu, dalam ajaran Islam majoriti dan minoriti bukanlah asas untuk menentukan kebenaran dan undang-undang tetapi yang menentukan kebenaran ialah nilai-nilai serta kaedah dan manhaj yang ditetapkan oleh Allah. Kefahaman majoriti dan minoriti dalam Islam adalah berbeza dalam demokrasi yang meletakkan suara ramai rakyat adalah suatu kebenaran dan pembuatan hukum. Al-Quran menjelaskan bahawa apabila terdapat perbezaan, kita perlu merujuk kepada manhaj Ilahi bukan kepada majoriti masyarakat dan suara teramai (Adnan al-Nadwi, 1992: 90-94).

Sebaliknya, Dhia' al-Din al-Ris berpendapat bahawa prinsip majoriti sebagai asas dalam sistem demokrasi moden sekarang merupakan prinsip yang dikenali dalam aturan politik Islam sejak beberapa kurun yang lalu dan ini terbukti melalui kata-kata Imam al-Ghazali bahawa jika terdapat dua imam (ketua negara) atau berlakunya perselisihan dalam perkara-perkara asas maka hendaklah mengambil pandangan majoriti. Begitu juga al-Mawardi menyebutkan bahawa apabila berlaku perselisihan ahli masjid dalam perlantikan imam maka hendaklah mengambil pendapat majoriti dan terbanyak. Para fuqaha juga menetapkan bahawa mayat orang Islam yang bercampur dengan mayat orang kafir dan ingin isolat dan dikebumikan hendaklah diambil yang terbanyak dari mayat tersebut sama dari orang Islam atau kafir. Abdul Hamid al-Ansari menambahkan lagi bahawa peristiwa-peristiwa besar dalam sejarah politik Islam menggunakan bilangan majoriti sebagai asas dalam membuat keputusan seperti dalam perang Badar, perang Uhud, perlantikan Abu Bakar, Umar dan Uthman. Oleh itu, prinsip majoriti dalam pembuatan hukum merupakan salah satu prinsip dalam aturan politik Islam (al-Ansari, 1980: 178-180).

Begitu juga dalil-dalil al-Quran yang digunakan bagi mengeluarkan hujah bahawa bilangan majoriti dan minoriti bukanlah asas dalam menentukan kebenaran dan dalam ajaran Islam seorang individu mungkin lebih betul pendapat. Hal ini diakui oleh Dr. Abdul Karim Zaidan. Kebanyakan ayat-ayat tersebut di atas adalah berkaitan dengan keingkaran orang kafir terhadap nikmat Allah atau bersyukur kepada Tuhan yang diturunkan kepada golongan musyrikin yang tiada kaitan dengan prinsip syura (al-Ansari, 1980: 184).

Oleh itu, dalam hal ini para sarjana Islam menggunakan istilah *al-sawad al-a'zam, jumhur* atau *al-tarjih bil-kathirah*. *Jumhur* bermakna himpunan orang ramai, bilangan orang yang ramai atau bilangan majoriti. Ia kerap digunakan dalam teks-teks klasik Islam. Apabila berlaku perbezaan pendapat dalam sesuatu perkara yang memerlukan pengetahuan dan kepakaran, maka timbul perbezaan pendapat; akhirnya disebut sebagaimana “pendapat *jumhur*” yang dianggap paling munasabah diikuti. *Al-Tarjih bil-kathirah* pula diuraikan

bahawa apabila terdapat dua atau lebih pendirian tentang hukum sesuatu perkara, dengan adanya sandarannya masing-masing, maka dibuat pilihan untuk mana-mana pihak yang paling banyak riwayat atau dalil yang memihak kepadanya. Itulah yang dikatakan memberatkan sesuatu pihak kerana banyak alasan dan hujahnya. Justeru dalam memutuskan hadith, maka diputuskan mengikut yang mana lebih ramai periyatannya (Uthman El-Muhammady, 2007:9). Dalam hubungan dengan *qawa'id fiqhiiyah*, biasanya *qawa'id* ini tidak digunakan bagi memutuskan sesuatu mengikut prinsip majoriti. Namun ia digunakan sebagai alat untuk mencari penyelesaian terhadap isu-isu yang tidak jelas sumbernya. Contohnya, “*bil aqlab minal umur yuqda*”; “apa yang lebih ghalib, atau banyak dan mengatasi itu yang lebih diputuskan”, atau “*al-Zann al-ghalib yanzil manzilah al-tahqiq*” – “berat sangka yang mengatasi dari segi lebih banyak dan lebih bilangannya patut diberi perhatian” atau “*al-librah bil-ghalib wa nadir la hukm lah*” – “apa yang lebih mengatasi (dari segi banyak dan bilangan) adalah diambil kira, yang jarang berlaku itu tidak diberi hukum dengannya”. Inilah beberapa kaedah fiqh yang digunakan sebagai kaedah untuk menyelesaikan huraian hukum fiqh (Uthman El-Muhammady, 2007: 9).

SIKAP GOLONGAN ISLAMIS TERHADAP DEMOKRASI

John. L. Esposito dan John O. Voll menyebutkan bahawa kebangkitan Islam dan demokrasi berlaku dalam dunia Islam secara dinamik. Orang ramai melakukan respons kebangkitan agama dan demokrasi sehingga kedua-dua menjadi tema terpenting dalam persoalan dunia kini. Tuntutan demokrasi semakin marak dalam kancang global kini. Di seluruh dunia orang-orang yang mempunyai kesedaran politik yang tinggi mengungkapkan aspirasi mereka dalam partisipasi politik, kebebasan dan persamaan dalam konsep ‘demokrasi’. Demokrasi dianggap sebagai gerakan pemberdayaan rakyat dalam pemerintahan dan politik yang marak diserukan oleh rakyat di seluruh dunia. Kebencian rakyat terhadap institusi yang tidak demokratik atau ‘tiada berinteraksi dengan rakyat’ semakin banyak muncul dalam masyarakat moden kini (John L. Esposito dan John O. Voll, 1999: 11).

Menurut Syed Ahmad Hussein, senario politik Muslim semenjak akhir tahun 1980-an menunjukkan satu siri anjakan oleh kerajaan Muslim yang berkuasa dengan aktivis Islam yang mencabarnya; yang satu ke arah Islamisasi, yang satu lagi ke arah memperjuangkan demokrasi dan penglibatan politik. Respons daripada elit Muslim dan pemerintah yang mengambil bentuk kombinasi paksaan, bertolak-ansur dan kerjasama pada amnya telah berjaya mengawal cabaran golongan Islamis terhadap kedudukan kuasanya. Sebagai sebahagian daripada respons ini, pihak pemerintah telah melancarkan siri program Islamisasi untuk meningkatkan rekod Islamnya. Gerakan-gerakan Islam juga telah menunjukkan tanda-tanda peralihan daripada ‘fasa fundamentalis radikal’ 1970-an dan 1980-an kepada ‘fasa penglibatan’ yang dicirikan oleh kemiripan untuk bergerak dalam sistem yang sedia ada dan memulakan episod meneliti semula peranan tradisional agama, kepimpinan, organisasi, keutamaan dan tafsirannya (Syed Ahmad Hussein, 2002: 2-3).

Pemerintahan Muslim memulakan demokrasi Islamik sebagai elemen terpenting dalam pemerintahannya sebagai respons baru terhadap anjakan orientasi politik golongan Islamis yang mencabar mereka. Golongan Islamis pada tahun 1990-an semakin memainkan peranan mengawal kecenderungan autoritarianisme pihak berkuasa. Pihak Islamis dianggap sebagai pembangkang yang berkesan dalam mengekang pemerintahan authoritarian (Syed Ahmad Hussein, 2002: 7). Di samping itu, golongan Islamis yang tidak terlibat secara langsung dengan kepartian terus memainkan peranan dalam usaha mengukuhkan elemen-elemen Islam dalam pemerintahan seperti amalan syura, pilihanraya yang bebas, calon-calon yang berintegriti dalam parlimen bagi memastikan ia selari dengan nilai-nilai Islam.

Pemimpin parti Islam seperti Parti *Hamas* di Palestin, *Refah* di Turki, *Al-Nadhar* di Tunisia, *al-'Adl wa Ihsan* di Morocco, PAS di Malaysia berulang kali menyatakan kepercayaan mereka terhadap tatacara dan jangkaan-jangkaan demokratik termasuk kebebasan individu dan kumpulan, penyertaan universal dan tukar ganti pihak berkuasa melalui pilihanraya yang jujur dan pembabitan mereka adalah satu pilihan jangka panjang yang pasti dan bukannya satu taktik jangka pendek. Mereka menolak ideologi sekularisme dan usaha mengaitkan demokrasi dengan sekularisme. Mereka menuntut nilai-nilai agama sebagai nilai-nilai asas dalam pemerintahan. Mereka melihat kepelbagaiannya warisan dalam sejarah Islam dan kebolehannya untuk diharmonikan dengan elemen-elemen demokrasi Islamik. Pembabitan parti Islam dalam arena politik negara misalnya telah memberi kesan terhadap demokrasi yang berlaku dan kemasukan golongan Islamis dalam kerajaan (Syed Ahmad Hussein, 2002: 13). Namun eksperimen ini dikatakan berjaya di Malaysia tetapi tidak di negara Muslim yang lain seperti di Turki dan Algeria akibat golongan Islamis tidak diberi peluang untuk menyuarakan hak walaupun atas nama demokrasi.

Di Iran, meskipun pernah diperintah oleh seorang reformis Mohamad Khatami yang dianggap sebagai pejuang demokrasi Islam, pendemokrasian di republik Islam itu agak perlakan. Antara faktor yang menyumbang terjadinya hal demikian ialah demokrasi dianggap satu legasi Barat yang penuh dengan tipu muslihat. Demokrasi semakin sukar di Iran apabila kumpulan legislatif Iran yang rata-rata terdiri daripada golongan konservatif lebih memilih gaya authoritarian. Justeru, ada cadangan supaya demokrasi yang hendak dibawa dan diamalkan di Iran, mesti diadun dengan ciri-ciri Islam (Mohd Izani Mohd Zain, 2007: xii). Di samping itu, Iran mengamalkan wilayah *al-Faqih* (penguasaan wilayah golongan agama) yang diperjuangkan oleh Ayatullah al-Khomeini dalam bukunya *al-Hukumah al-Islamiah*.

Dalam mempratikkan demokrasi dalam konteks ketamadunan Islam, perkara tersebut perlu diberi perhatian iaitu berinteraksi dengan demokrasi dengan sifatnya sebagai medium, sarana dan alat serta bersifat fleksibel. Di samping itu, kita perlu mengaitkan sarana dan medium demokrasi dengan nilai-nilai Islam. Pada dasarnya, Islam tidak melarang bagi umatnya untuk mengambil manfaat dari tamadun lain serta menolak semua perkara yang diluar dari lingkungan Islam sama ada perkara itu adalah baru atau lama. Ia harus juga mengabungkan antara pelaksanaan syura Islam dengan sifatnya sebagai satu nilai yang amat penting dengan proses demokrasi dengan sifatnya sebagai

medium dan jalan untuk mempratikkan syura dalam kehidupan manusia. Kebanyakan nilai-nilai umum dalam pemerintahan dan politik seperti syura dan sistem pemerintahan tidak ditentukan medium khusus untuk melaksanakan aturan tersebut. Untuk melaksanakan nilai-nilai demokrasi tersebut maka medium tersebut dibolehkan kerana sarana dan medium adalah mengikut kesesuaian waktu dan tempat.

PENGAMALAN DEMOKRASI DI MALAYSIA

Seharusnya difahami bahawa demokrasi mutlak adalah idealisme yang tidak mungkin tercapai sepenuhnya. Bahkan demokrasi terkenal dengan sikap menabur dan mengkhianati janji. Justeru, telah wujud jurang antara demokrasi yang ideal sebagaimana difahami dengan kenyataan yang berlaku dalam suasana demokrasi hari ini. Janji yang tidak ditunaikan hari ini terbantut dengan wujudnya realiti-realiti seperti survival politik, kewujudan elitis politik, kepentingan tertentu atas nama perwakilan rakyat, kurangnya penyertaan rakyat dan kegagalan mendidik orang ramai tentang demokrasi dan hak mereka. Di samping itu, kita melihat Barat cuba menafikan kemenangan beberapa parti politik yang dikatakan Islami seperti parti Refah, FIS dan Nahdah di atas pentas demokrasi. Ini menambahkan lagi kecurigaan terhadap demokrasi.

Ramai penganalisis yang menganggap Malaysia sebagai sebuah ‘rejim kacukan’ yang tidak autokratik tetapi tidak juga demokratik. Ia memiliki keperluan luaran sebagai sebuah negara demokrasi, namun ia juga mempunyai peraturan-peraturan keras (*draconian*) yang membatasi pembangkang dan yang memberi kuasa yang sangat luas kepada eksekutif (Kazancigal, 1991: 343; Case, 1993: 75). Hujah pimpinan UMNO terutama Mahathir Mohamad dalam mempertahankan pembatasan demokrasi iaitu:

- i. Sensitiviti isu-isu etnik yang jika tidak dikawal perdebatan awam tentangannya akan memudaratkan kestabilan social.
- ii. Keutamaan meningkatkan taraf hidup rakyat.
- iii. Perlu disesuaikan amalan demokrasi dengan pengalaman sejarah dan suasana objektif tempatan.

Bagi Lim Kit Siang, pemerintahan dalam era Mahathir telah menyekat kebebasan, tiada kebebasan akhbar dan media, kegunaan kuasa polis secara besar-besaran dan pencabulan sistem kehakiman. Bagi Tun Suffian, trend autoritarianisme bukan sahaja menular dalam kerajaan tetapi dalam UMNO juga (Lim Kit Siang, 2001: 49). Ada juga yang melihat Malaysia sebagai 'semi-demokrasi'.

Apapun perbahasan di atas, Malaysia boleh dikatakan contoh kepada “demokrasi Islam” dengan syarat beberapa kelemahan-kelemahan demokrasi dihindarkan atau diperbaiki dengan nilai-nilai yang Islami. Namun ‘Abd al-‘Aziz Badri dalam bukunya *Hukm al-Islam fi al-Isytirakiyyah* tidak bersetuju sesuatu istilah politik moden yang digunakan jika konsep yang ada di dalamnya tidak Islamik dan menyimpang dari kebenaran. Demokrasi Islam perlu diperkuuhkan dengan meletakkan peraturan dan ketetapan ajaran Islam

sebagai asas pemerintahan, mengaplikasikan syura sebagai asas perubahan sistem demokrasi yang diamalkan agar lebih positif dan telus, menyuburkan persekitaran dan proses penyertaan politik yang lebih meluas dan adil, memberi ruang kepada rakyat untuk memilih pemimpin berdasarkan kepada maklumat yang benar dan tepat dan memilih pemimpin yang mempunyai ciri-ciri tanggungjawab dan kepimpinan yang unggul. Di samping budaya politiknya pula menekankan kepada penghormatan perbezaan pandangan, ketekunan mendengar rintihan, muafakat, professionalisme, tegas dan bijaksana, kesediaan menegur dan ditegur dan kesediaan memimpin dan dipimpin.

Rakyat perlu menyedari hakikat demokrasi yang sebenar apatah lagi dengan istilah 'demokrasi Islam' yang sudah tentu memerlukan kepada penghayatan Islam yang meluas dalam sistem tersebut. Penjernihian demokrasi kepada amalan-amalan yang bersifat Islamik perlu dijana sementara amalan rasuah dan diskriminasi perlu dihapuskan.

Antara perkara utama dalam pengamalan demokrasi Islam ialah demokrasi yang bercirikan pemerintahan majoriti, pilihanraya yang bebas, kewartawan yang bebas, perlindungan kepada golongan minoriti, sikap sama rata kepada parti-parti, kebebasan bersuara dan memberi pendapat serta memahami hakikat, serta kewajipan dan kawalan atas kerajaan. Pendemokrasian Islam ini tidak akan berhasil sekiranya faktor integriti tidak diberi perhatian dalam pembinaan masyarakat. Sistem yang baik tanpa masyarakat yang berintegriti akan menggagalkan pelaksanaan demokrasi yang sesuai dengan Islam. Oleh sebab itu, penekanan mesti diberikan kepada pelaksanaan integriti dalam bidang pentadbiran dan siasah (Uthman El-Muhammady, 2007: 11). Dalam membina landasan baharu politik Muslim di Malaysia, semua pihak terutamanya parti-parti perlu mengatur satu agenda politik sederhana untuk meningkatkan kewibawaan. Agenda politik sederhana membawa erti politik yang bebas dari unsur fitnah-menfitnah, maki-makian, hasad dengki dan adu domba. Ia harus juga bebas dari unsur radikalisme dan fanatisme. Di samping itu, sikap berlapang dada, toleransi dan kesatuan perlu disuburkan. Golongan Islamis dan parti-parti politik juga perlu melihat isu utama masyarakat berkaitan *good goverannce*, keadilan sosial, kebijakan ekonomi, keterbukaan, kepelbagaiannya dan hak asasi manusia.

KESIMPULAN

Masa depan demokrasi di Malaysia banyak bergantung kepada kekuatan golongan Islamis dan umat Islam dalam mengawal autoritariannisme dan demokrasi yang dijalankan oleh pemerintahan agar ia serasi dengan nilai-nilai Islami. Oleh itu, dalam mewujudkan landasan baru politik Muslim dan demokrasi Islam maka timbal balik antara golongan Islamis, parti pembangkang, NGO dan pemerintah sangat diperlukan dan kerjasama itu akan menguntungkan rakyat. Perbahasan mengenai demokrasi Islam dan perjalanan demokrasi menjanjikan kemungkinan wujudnya sikap demokrasi Islamik dalam amalan politik Muslim dengan asas norma sistem bersama yang tulen daripada sudut Islam dan demokrasi yang boleh diterima oleh masyarakat majmuk Malaysia. Keberkesaan dan pelaksanaannya terletak kepada tuntutan

rakyat untuk menuntut demokrasi yang lebih telus. Demokrasi yang telus lahir daripada rakyat yang demokratik dan pemimpin yang baik lahir dari umat yang terbaik dan berkualiti. Ini kerana pemimpin adalah cerminan kualiti umat yang sebenar.

Demokrasi boleh dilihat sebagai satu mekanisme untuk menjayakan syura dan aturan politik Islam dalam suasana dunia moden dan orang Islam boleh kekal dengan prinsip-prinsip hidup dan nilai-nilai Islami. Di samping itu kesatuan dan keterbukaan dari parti politik, NGO Islam dan agensi masyarakat dalam memperkuatkkan elemen Islam dalam sistem demokrasi amatlah diperlukan terutama dalam menuntut demokrasi yang lebih telus dan berwibawa.

BIBLIOGRAFI

- ‘Abd al-Jabbar, Muhamad. & ‘Id, ‘Abd al-Razzaq. (1999). *al-Dimaqratiyyah bayn al-Ilmaniyyah wa al-Islam*, Beirut: Dar al-Fikr.
- Abdul Hamid Ismail al-Ansari. (1980), *al-Shura wa ‘Atharuha fi Dimoqratiyyah*, Kaherah : Matba’ah al-Salafiah.
- Adnan Ali Rida al-Nahwi. (1992). *al-Shura La Dimoqratiyyah*, Dar al-Nahwi: Riyadh.
- Ahmad Azam Abdul Rahman. (2001). *Ucapan Dasar ABIM ke 30*, Kuala Lumpur :ABIM. hal. 5.
- Al-Ansari, Abdul Hamid Ismail. (1980). *al-Shura wa ‘Atharuha fi Dimoqratiyyah*, Kaherah: Matba’ah al-Salafiah.
- Al-Fanjari, Ahmad. (1999). *Kayfa nakhkum bil al-Islam fi Dawlah 'Asriah*, Kaherah : al-Hai'at al-Misriyah al-'Ammah li Kitab.
- Al-Ghazali, Muhammad. (1988). *Dustur al-Wahdah Thaqafiyyah bayn al-Muslimin*, Kaherah: Dar al-Wafa'.
- Al-Qadiri, ‘Abdullah Ahmad. (1986). *al-Shura*, Jeddah : Dar al-Mujtama'.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (1997). *Min Fiqh al-Dawlah*, Kaherah : Dar al-Shuruq, Al-Ris, Dhia’ al-Din. t.t. *Nazariat al-Siyasah al-Islamiah*, Kaherah: Maktabah al-Turath.
- Al-Sawi, Tawfiq. (1992). *Fiqh al-Shura*, Kaherah : Dar al-Wafa'.
- Case, W. (1993). “Malaysia: The Semi-democracy Paradigm”, *Asian studies Review*, 17(1).
- Esposito, John L. & Voll, John O. (1999). *Demokrasi di Negara-Negara Muslim* (pentj. Rahmani astute), Jakarta : Penerbit Mizan.
- Huwaidi, Fahmi. (1992). *Islam wa Dimoqratiyyah*, Kaherah: Markaz al-Ahram.
- Kazancigal, A. (1991). “Democracy in Muslim Lands: Turkey in Comparative Perspective,” *International Social Science Journal*, 128 (Mei).
- Lim Kit Siang. (2001). *B.A & Negara Islam*. Petaling Jaya: DAP.
- Mohd Izani Mohd Zain. (2007). *Demokrasi dan Dunia Islam*, Kuala Lumpur : Universiti Malaya, hal. Xii.
- Muhamad Nur Manuty. (t.t.). *Islam dan Demokrasi*. Malaysia: CESMAS
- Syed Ahmad Hussein. (2002). *Politik Muslim dan Demokrasi di Malaysia*, Pulau Pinang : USM.
- Rashid al-Ghannoushi. (7 September 2002). Temuramah. KuSZA: Kuala Terengganu.

- Tamimi, Azzam. (2001). "Gerakan Islam dalam era demokrasi", dalam *Harakah*, 1-15 Jun 2001.
- Uthman El-Muhamady. (2007). "Islam dan Demokrasi" dalam Mohd Izani Mohd Zain. 2007. *Demokrasi dan Dunia Islam*, Kuala Lumpur : Universiti Malaya.